

PARLIMEN: Lebih 20,000 Pesakit Kronik Dapat Manfaat Tabung Bantuan Perubatan Bernama
16 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Seramai 20,624 pesakit kronik mendapat manfaat daripada Tabung Bantuan Perubatan (TBP) sejak tabung itu diwujudkan pada 2005, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata sejak ditubuhkan kerajaan menyalurkan dana berjumlah RM172 juta untuk mengisi tabung itu.

Menjawab soalan Datuk Dr Mohamad Shahrudin Osman (BN-Lipis) Rosnah menafikan dakwaan bahawa prosedur permohonan bantuan yang ditetapkan pihak kementerian terlalu rumit sehingga sukar bagi seseorang pesakit kronik untuk mendapatkan bantuan.

"Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa prosedur permohonan TBP terlalu rumit tetapi seseorang pesakit yang memerlukan bantuan TBP akan dirujuk oleh pakar perubatan yang merawatnya kepada pegawai kerja sosial perubatan hospital untuk dinilai kemampuan sosio-ekonominya.

"Ini bertujuan untuk memastikan bantuan hanya disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan dan permohonan yang lengkap akan diberi pertimbangan oleh Jawatankuasa Teknikal Perubatan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702376>